

07/08/1997

Produser bidas ucapan Ismail

PRODUSER filem tanah air berpendapat presiden Persatuan Seniman Malaysia (Seniman), Datuk Ismail Hutson tidak sepatutnya menyelar mereka di dalam ucapan aluannya di Malam Seniman 23 Tahun, Ahad lalu.

Majlis makan malam yang diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Ismail mendakwa pihak penerbit filem tidak menyokong malam berkenaan.

"Hanya 30 peratus daripada jumlah produser filem tempatan yang membeli meja untuk majlis ini. Yang selebihnya tidak tahu di mana."

Meja dijual pada harga RM50,000, RM20,000, RM10,000, RM5,000 dan RM3,000.

Presiden itu juga membangkitkan soal artis kena `main' (ditipu) oleh produser filem dalam ucapannya.

"Kita tidak boleh menghentam produser tanpa mengetahui kedudukan sebenarnya. Sikap artis pun ada yang buruk.

"Kalau pihak kami mahu bongkar keburukan artis memang tidak cukup suratkhobar," kata produser dan pengarah Yusuf Haslam yang hadir pada malam itu.

Menurutnya, perkara seperti itu tidak perlu `dicanangkan' dalam majlis sedemikian.

"Banyak lagi perkara yang lebih penting seperti wawasan Seniman serta rancangan untuk kebajikan artis.

"Mungkin yang beliau maksudkan segelintir saja. Tetapi sebagai produser, saya juga terasa," kata Yusuf yang tidak jemu memberi bantuan kepada Seniman setiap tahun.

Pendapatnya turut disokong Ruhani Abdul Rahman dari Nizarman Productions.

"Saya rasa kita tidak sepatutnya memalukan tetamu. Kehadiran saya untuk memberi sokongan moral kepada Seniman.

"Sudah tiba masanya kita tidak mengharap bantuan orang lain. Kita sepatutnya berusaha sendiri," katanya.

Seperti Yusuf, Ruhani juga pernah ditipu artis.

"Pernakah saya buat isu atau membawanya ke Seniman, saya mempunyai cara tersendiri. Mereka disenaraihitamkan dalam segala drama atau filem penerbitan saya," katanya lagi.

Produser dan pengarah, Panshah, mengambil keputusan untuk tidak hadir pada malam itu.

"Memang mereka ada menemui saya untuk membeli meja berharga RM3,000. Pihak penerbit tidak mempunyai komitmen untuk berbuat demikian.

"Kalau diikutkan, sepatutnya artis sendiri yang membeli meja kerana bayaran mereka lebih lumayan sekarang, sudah naik berlipat ganda dari dulu. Kenapa pula pihak produser yang dihukum," jelasnya.

Panshah memuji usaha Seniman menjual meja kepada pihak korporat.

"Sekurang-kurangnya mereka mendapat gambaran sebenar Seniman apabila menghadiri majlis berkenaan."

Setiausaha Persatuan Penerbit-Penerbit Filem (PFM) Nik Fadzil Nik Hassan menghadiri majlis berkenaan mewakili persatuan.

"Penerbit yang filemnya berjaya sepatutnya memberi sokongan kepada Seniman. Mungkin kerana kes Seniman yang dahulu, ramai penerbit tidak mahu membantu," katanya.

(END)

